

CPM-1/2/2007

Individu disayangi Mahathir, dihormati Abdullah bantu pulihkan hubungan

SUNGAI PETANI 30 Jun - Seorang individu 'yang disayangi' Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dihormati Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi' akan membantu memulihkan hubungan antara mereka, kata Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

"Saya dah hubungi individu itu,"katanya kepada pemberita di sini tanpa menamakan orang berkenaan.

Zainuddin berkata, tokoh itu bukannya menjadi orang tengah tetapi akan menjadi individu yang boleh mendamaikan mereka.

Sejak akhir-akhir ini, Dr. Mahathirantang mengkritik kerajaan pimpinan Abdullah antaranya kerana tidak berpuas hati dengan beberapa keputusan kerajaan

seperti membatalkan beberapa projek yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Zainuddin berkata, ruang masih terbuka untuk mewujudkan persefahaman antara Dr. Mahathir dan Abdullah.

Katanya, beliau telah bertemu kedua-duanya baru-baru ini dan yakin salah faham antara mereka boleh diselesaikan.

Zainuddin berkata, Abdullah bersikap terbuka dalam menyelesaikan masalah itu, dan yakin Dr. Mahathir, yang dikenalnya sejak lama dahulu, juga bersedia untuk mencari titik persefahaman.

"Saya tidak mendapat mandat parti (untuk mencari individu yang boleh membantu menyelesaikan selisih faham) tetapi ia

dilakukan sejajar dengan semangat UMNO", katanya.

Zainuddin berkata, anggota-anggota UMNO di peringkat akar umbi di bahagian Merbok iaitu kawasan Parlimen yang diwakilinya, juga mahukan penyelesaian dilakukan segera bagi memulihkan hubungan antara Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri itu.

Sebagai contoh, katanya, UMNO cawangan Taman Bunga Raya dalam Bahagian Merbok, telah meluluskan usul supaya Majlis Tertinggi UMNO menyelesaikan salah faham membabitkan Dr. Mahathir dan Abdullah secara berhemah dan cepat.

Zainuddin berkata, orang ramai akan terus keliru jika perkara itu tidak diselesai-

kan segera.

Menurutnya, Kementerian Penerangan akan menjawab beberapa kekeliruan melalui jenteranya termasuk RTM, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) berasaskan fakta dan kebenaran.

Sebelum itu, beliau mendengar taklimat pembinaan perpustakaan pekan Merbok yang dianggarkan berharga RM1 juta.

Ia mampu menampung sehingga 300 pengguna pada satu-satu masa dan terletak di lokasi strategik dengan terdapat sebuah tasik yang menghiasi latarnya.

Perpustakaan itu yang terletak berhampiran pekan Merbok dijangka siap Ogos tahun depan.